

1. "\_\_\_\_\_ perlu menyeberangi sungai ini sebelum malam menjelang," kata Suresh kepada Faizal.

- A Kita
- B Kami
- C Kalian
- D Tuanku

2. "\_\_\_\_\_ berharap agar keputusan yang diambil ini akan membawa kejayaan dan kebahagiaan pada masa akan datang," kata Iskandar kepada ibunya.

- A Hamba
- B Anda
- C Kami
- D Saya

3. Datuk Baharudin merupakan usahawan tani yang berjaya. \_\_\_\_\_ mempunyai beratus-ratus ekar tanah yang ditanam dengan pelbagai jenis sayur.

- A Baginda
- B Mereka
- C Beliau
- D Dia

4. "Usahlah \_\_\_\_\_ gentar akan kemampuan mereka," kata Cikgu Husin kepada para pemain pasukan bola sepak sekolahnya.

- A kami
- B awak
- C kalian
- D mereka

5. "\_\_\_\_\_ baru sahaja pulang dari Surabaya semalam," kata Nadia kepada Haiza.

- A Dia
- B Kita
- C Saya
- D Kami

6. "Dalam hal ini, \_\_\_\_\_ mesti bersatu padu untuk menyelesaikan masalah, bukannya bertengkar," kata Yunus kepada rakan-rakannya.

- A dia
- B kita
- C saya
- D kami

7. Murid-murid di dalam kelas itu mendapat pujian daripada Pengetua kerana \_\_\_\_\_ telah memenangi Pertandingan Kelas Tercantik.

- A dia
- B kita
- C beliau
- D mereka

8. "Ini Ruhil, sahabat karib \_\_\_\_\_ semasa di sekolah rendah dahulu," kata Raihan.

- A kamu
- B kami
- C saya
- D kita



9. " \_\_\_\_\_ boleh merujuk hospital kerajaan mahupun hospital swasta untuk mendapatkan rawatan lanjut," kata jururawat itu kepada Alma.

- A Daku
- B Anda
- C Dikau
- D Kalian

10. Yang Berhormat Tuan Haji Romli tidak dapat datang kerana \_\_\_\_\_ demam.

- A dia
- B beliau
- C mereka
- D baginda

11. Pada hujung minggu lalu, ayah dan ibu menghadiri \_\_\_\_\_ kenduri arwah datuk di rumah Pak Ngah Salleh.

- A majlis
- B aktiviti
- C bengkel
- D seminar

12. Sejak ayahnya meninggal dunia, \_\_\_\_\_ terpaksa berhenti sekolah untuk menyara keluarganya.

- A dia
- B kalian
- C beliau
- D mereka

13. Sultan Mahmud dan permaisuri \_\_\_\_\_ berkenan untuk menerima menghadap duta asing dari negara Timur Tengah itu.

- A dia
- B beliau
- C mereka
- D baginda

14. "Terimalah hadiah daripada \_\_\_\_\_ yang tidak seberapa ini," kata pedagang asing itu kepada Sultan Mansur Syah.

- A hamba
- B saya
- C patik
- D aku

15. Setelah dilantik sebagai Ketua Kampung Bayu, \_\_\_\_\_ melaksanakan tanggungjawab yang d Amanahkan dengan baik sekali.

- A dia
- B beliau
- C mereka
- D baginda

16. Steven amat rajin membaca buku. Oleh sebab itu, \_\_\_\_\_ digelar ulat buku oleh rakan-rakannya.

- A dia
- B kami
- C beliau
- D mereka

17. Hantarkan penyertaan \_\_\_\_\_ melalui pos ataupun e-mel sebelum tarikh tutup.

- A tuanku
- B anda
- C patik
- D aku

18. Warga sekolah itu menyambut ketibaan Pengarah Pendidikan Negeri ke sekolah \_\_\_\_\_ dengan paluan kompang dan persembahan kebudayaan.

- A dia
- B beliau
- C kalian
- D mereka

19. "Akan \_\_\_\_\_ buktikan kepada mereka bahawa aku mampu melepasi halangan ini," bisik Bakri sendirian.

- A kita
- B aku
- C kami
- D hamba

20. Ibu bapa bertanggungjawab untuk memastikan kejayaan anak-anak \_\_\_\_\_ dalam pelajaran.

- A dia
- B anda
- C kalian
- D mereka